

# UMS lancar Hari AIDS Sedunia demi realisasikan komitmen negara

KOTA KINABALU: Universiti Sains Malaysia (UMS) melancarkan Hari AIDS Sedunia Peringkat Negeri Sabah dengan tema 'Akhiri AIDS Mulakan Sekarang'.

Menurut Mayor Bandaraya Kota Kinabalu, Datuk Abidin Mandingkir, tema ini dipilih untuk mengajak semua pihak di Malaysia khususnya di Sabah untuk menangani HIV/AIDS demi merealisasikan komitmen negara.

Penganjuran sambutan tersebut bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat di Sabah tentang jangkitan HIV dan penyakit AIDS.

Pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) komited dalam usah melaksanakan Projek Bandaraya Kota Kinabalu Menuju Sifar HIV Menjelang 2020.

Tambahnya, selain bekerjasama dengan UMS, pihak DBKK turut bekerjasama rapat dengan pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sabah melalui Pejabat Kesihatan Kawasan Kota Kinabalu serta agensi-agensi kerajaan dan bukan

kerajaan dalam meningkatkan kerjasama dan kesedaran virus dan penyakit berkenaan kepada masyarakat di Sabah.

Teks ucapan beliau dibaca oleh Pengarah Jabatan Kesihatan dan Persekitaran DBKK, Robert Lipon.

Sementara itu, Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UMS, Profesor Dr Zainal Ariffin berkata melalui program dua hari berkenaan warga UMS telah diberi pendedahan dan kesedaran mengenai HIV dan AIDS.

Pelbagai aktiviti kesedaran telah diadakan antaranya perkongsian ilmu dan pengalaman oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sabah dan Majlis AIDS Malaysia. Turut diadakan adalah AIDS Awareness Walk serta pameran berkaitan.

Ahli Exco Majlis AIDS Malaysia, Andrew Tan Tze Tho berkata, dari tahun 1986 sehingga 2014, seramai 105,189 orang telah dikenal pasti sebagai HIV positif dan pesakit AIDS di Malaysia yang terdiri daripada 93,536 lelaki dan 11,653 wanita.



UCAPAN ... Robert menyampaikan teks ucapan Abidin.